MAHATHIR - DADAH

KOTA BAHARU, 30 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA MEMPUNYAI JUMLAH PENAGIH DADAH YANG BESAR JIKA DINISBAHKAN DENGAN JUMLAH PENDUDUKNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

AKIBATNYA BEBANAN YANG BERAT BUKAN SAHAJA TERPAKSA DIPIKUL OLEH KERAJAAN TETAPI JUGA DITANGGUNG OLEH MASYARAKAT KESELURUHANNYA, KATANYA DALAM PERUTUSAN DALAM BUKU CENDERAMATA SEMPENA SEMINAR PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA YANG BERLANGSUNG DI SINI.

BELIAU BERKATA PERBELANJAAN YANG BESAR YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA PUSAT-PUSAT PEMULIHAN PENAGIH DADAH DI NEGARA INI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBIAYAI PELBAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT.

SEMINAR DUA HARI ITU DISERTAI OLEH 103 PEMBANTU PERUBATAN DARI SEMENANJUNG DAN DIRASMIKAN OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOOR.

SEMENTARA ITU, PRESIDEN PERSATUAN TERSEBUT HAJI MOHAMAD ESA HITAM KESAL KERANA PERSATUAN ITU TERPAKSA MEMBATALKAN PAMERAN ANTI-DADAH YANG DIRANCANGKAN SEMPENA SEMINAR ITU KERANA TIDAK MENDAPAT KERJASAMA DARIPADA PEMADAM NEGERI.

DATUK DR YUSOF NOOR TURUT MELAHIRKAN RASA KESAL DENGAN KEJADIAN ITU KERANA MENURUTNYA MASALAH PENAGIHAN DADAH SENTIASA DIBERI PERHATIAN BERAT OLEH KERAJAAN.

KATANYA, PERKARA SEPERTI ITU TIDAK BOLEH DIBIARKAN BERLAKU KERANA IA MENJATUHKAN IMEJ PEMADAM SEBAGAI AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MASALAH DADAH. --BERNAMA

1720MST 30 09 88